

Tolak dokumen promosi liberalisme, kekal pertahanan prinsip Perlembagaan



Pensyarah Kanan Jabatan Undang-undang Islam, Kulliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Oleh Prof Madya Dr Mohamed Rashid Ab Razak
bhrencana@bh.com.my

Dokumen dikemukakan pertubuhan masyarakat sivil (CSO) sempena Forum Rakyat ASEAN 2025 menimbulkan kebimbangan serius dalam kalangan masyarakat, khususnya umat Islam di Malaysia.

Dokumen itu antara lain menyarankan meratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD), serta desakan ke arah pemisahan antara agama dan negara, dilihat sebagai cabaran terbuka terhadap asas pembentukan Malaysia.

Penulis menilai isu ini dari sudut maqasid syariah, prinsip Perlembagaan dan jati diri kenegaraan Malaysia. Cadangan ini bukan sekadar wacana akademik, tetapi mempunyai implikasi perundangan

dan sosial sangat besar terhadap masa depan negara serta keharmonian masyarakat berbilang agama.

Malaysia sebagai anggota ASEAN sudah tentu menyokong kerjasama serantau dalam pelbagai bidang termasuk sosial, ekonomi dan kemanusiaan. Namun, apabila dokumen CSO membawa naratif didominasi nilai liberal Barat seperti pengiktirafan orientasi seksual bebas, penghapusan struktur keluarga tradisional dan pemisahan mutlak antara agama dan pentadbiran negara, ia membawa kesan sangat bertentangan nilai tempatan.

Keterbukaan ASEAN terhadap CSO seharusnya dihargai, namun Malaysia perlu menapis dan menilai secara kritikal sejauh mana saranan itu serasi dengan Perlembagaan dan nilai Islam sebagai asas negara ini.

Dalam kerangka maqasid syariah, lima objektif utama perlu dipelihara iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Cadangan seperti pengiktirafan identiti gender tidak selaras dengan Islam dan konsep pemisahan agama dari negara secara mutlak adalah bertentangan tujuan syariah terutama dalam aspek memelihara agama (hifz al-din) dan keturunan (hifz al-nasl).

Perlembagaan pula secara jelas meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan (Perkara 3). Maka, sebarang dasar atau cadangan secara langsung mengurangkan kedudukan Islam dalam pentadbiran negara perlu ditolak kerana ia mencabuli struktur asas kenegaraan Malaysia.

Malaysia sebagai negara berdaulat memiliki dua dokumen asas pembentukannya iaitu Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara yang menjadi kerangka utama sistem kenegaraan. Cadangan seperti pemisahan agama dan negara adalah bentuk percubaan untuk mengubah struktur asas negara.

Ia cuba membawa nilai luar yang bertentangan dengan akal budi dan jati diri berasaskan adat, adab dan istiadat Melayu Islam. Justeru, tidak perlu menukar prinsip kenegaraan untuk memenuhi kehendak luar, sebaliknya menegaskan pendirian terhadap prinsip disepakati bersama.

Implikasi politik dan sosial

Penerimaan cadangan seperti ICERD dan desakan pemisahan agama-negara bukan sahaja boleh mengundang konflik perundangan, tetapi boleh mencetuskan ketegangan kaum dan agama.

Kita pernah menyaksikan bantahan besar terhadap ICERD sebelum ini dan pengulangan tun-

tutan sama menunjukkan tidak sensitif terhadap sejarah dan perasaan rakyat Malaysia.

Lebih membimbangkan, terdapat kecenderungan untuk mengubah kontrak sosial yang menjadi asas kepada keharmonian kaum sejak merdeka. Oleh itu, langkah pencegahan perlu diambil sebelum berlaku ketidakseimbangan sosial dan ideologi yang lebih parah.

Kerajaan perlu mengambil langkah tegas menolak secara rasmi kandungan dokumen CSO ASEAN yang bercanggah dengan Perlembagaan, khususnya dalam isu menyentuh kedudukan Islam, kedaulatan Raja-raja Melayu dan struktur asas negara.

Kenyataan rasmi kerajaan akan memberikan isyarat jelas Malaysia tidak akan berkompromi dalam hal menyentuh identiti Perlembagaan dan kedudukan Islam.

Selain itu, kerajaan perlu menyemak semula pembabitan CSO tempatan yang berperanan mempromosikan agenda bertentangan dengan nilai dan

struktur kenegaraan Malaysia. Proses semakan ini bertujuan memastikan hanya entiti menghormati prinsip Perlembagaan dan keharmonian sosial diberikan ruang dalam platform serantau.

Peranan JAKIM dan IKIM

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) boleh memainkan peranan proaktif menyediakan garis panduan kepada agensi kerajaan dan masyarakat memahami serta menilai tuntutan hak asasi antarabangsa yang tidak selaras dengan maqasid syariah.

Panduan ini boleh dijadikan rujukan dalam penyusunan dasar dan penilaian ke atas mana-mana bentuk dokumen antarabangsa. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pula perlu meningkatkan usaha penyelidikan dan penerbitan ilmiah berkaitan cabaran liberalisme dan kesan nilai pas-camoden terhadap kestabilan sosial serta identiti keagamaan di Malaysia.

Di peringkat serantau pula, IKIM berpotensi menjadi wakil suara Islam dalam forum seperti Suruhanjaya Antara Kerajaan mengenai Hak Kemanusiaan ASEAN (AICHR) dan Komuniti Sosio-budaya ASEAN (ASCC).

Perwakilan ini penting bagi mempersembahkan naratif alternatif berpaksikan nilai Islam dan budaya tempatan, sekali gus memperluas wacana hak asasi lebih inklusif terhadap keragaman agama dan tradisi di Asia Tenggara.

Dalam semangat Malaysia MADANI dan prinsip keadilan sejagat seimbang dengan maqasid syariah, kita mesti berani mempertahankan nilai dan prinsip sendiri. Kita bukan menolak kerjasama antarabangsa, tetapi kerjasama menghormati jati diri dan asas Perlembagaan negara.

Islam bukan halangan kepada kemajuan, tetapi asas kepada pembangunan sejahtera dan beradab. Sebagaimana ditegaskan dalam Rukun Negara, Kepercayaan kepada Tuhan dan Keluhuran Perlembagaan bukan sekadar kata-kata kosong, tetapi prinsip wajib diterjemahkan dalam semua dasar dan pendirian negara.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia boleh memainkan peranan proaktif menyediakan garis panduan kepada agensi kerajaan dan masyarakat memahami serta menilai tuntutan hak asasi antarabangsa yang tidak selaras dengan maqasid syariah

